

# Kepemimpinan Rasulullah jadi panduan



"**S**aya memilih pendekatan Rasulullah dalam bekerja. Mengutamakan syura dengan ahli serta meminta nasihat daripada yang lebih pakar dalam sesuatu bidang sebelum memberi respons kepada sesuatu isu," demikian jelas Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (YDP MPP) Universiti Sains Antarabangsa Malaysia (Usim), Imran Razalle berkaitan bidang tugasnya bersama kabinet baru MPP yang dibentuk bagi sesi 2015/2016 baru-baru ini.

Saudara Imran Razalle lebih dikenali dengan panggilan 'abah' oleh rakan kampus kerana penampilan yang matang walaupun baru berusia 21 tahun. Dari segi karakternya, dia seorang yang *happy go lucky* tapi tegas dan serius melakukan pekerjaan.

Imran adalah anak kedua pasangan Razalle Dollah, dan Che Zailani Che Hassan, berasal dari Pasir Mas, Kelantan. Dia adalah penuntut tahun tiga Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang.

Seorang yang komited dan berbakat besar dalam kepimpinan mahasiswa. Menceritakan pembabitan awal dirinya dalam kepimpinan di kampus, dia terdetik

untuk dicalonkan kerana ingin melihat perubahan berlaku di kampus Usim baik dari sudut intelektual, spiritual, kebajikan mahupun pembangunan mahasiswa itu sendiri.

"Saya juga sedang berusaha untuk memastikan Biah dan tarbiah di bumi Usim meletakkan asas Islam sebagai panduan dalam semua gerak kerja mahasiswa.

"Sebelum ni saya mempunyai latar belakang kepimpinan yang jelas. Sepanjang sesi MPP 2014/2015 saya memegang tampuk sebagai Exco Perhubungan Korporat dan Antarabangsa. Peranan itu terus menjadi kelebihan buat saya kerana pernah dilantik sebagai Exco Dakwah dan Kebajikan untuk Kelab Syariah dan undang-undang bagi sesi 2013/2014. Pada penggal 2012/2013 juga, saya dilantik sebagai ketua untuk pelajar tamhidi syariah dan undang-undang, justeru, saya telah membina

nama sedikit demi sedikit dan ini memudahkan pencalonan saya sebagai MPP sesi kali ini," katanya.

## BERPANDUKAN SYARIAT ISLAM

Peranan keluarga yang begitu tinggi dengan semangat kepimpinan juga banyak mendorong dirinya bergelar pemimpin tertinggi.

"Saya dilahirkan sememangnya dalam golongan yang rapat dengan kepimpinan. Ayah adalah Timbalan Presiden Persatuan Pembantu Farmasi Malaysia Barat dan

sering kali menjadi inspirasi. Kakak juga bergiat aktif dalam pimpinan tertinggi badan pengawas di sekolah dan ini secara tidak langsung memupuk minat saya mendalami kepimpinan," katanya.

Justeru, katanya, dengan penerimaan pelantikan ini diibaratkan sebagai satu perjuangan walaupun sedar beban dan tanggungjawab yang besar bakal ditempuhi.

"Inilah medan saya menimba

pengalaman menjadi lebih matang dalam membuat keputusan, bermuamalah sesama manusia serta mempersiapkan diri untuk memimpin masyarakat. "Saya kira ia juga platform untuk kami mengetengahkan model kepimpinan Islam dan

gagasan Integrasi Aqli dan Naqli yang diterapkan dalam kepimpinan mahasiswa Islam dan menjadikan syariat Islam sebagai dasar dalam pelaksanaan segala perkara," jelasnya.

Ujar Imran, bersandarkan tanggungjawab ini, ia mendorong dirinya lebih menghargai masa.

"Dari segi pembahagian masa, sudah pasti bergerak sebagai pemimpin tidak sama seperti mahasiswa lain. Oleh itu,



Penyerahan tugas baharu kepada Imran daripada YDP MPP sesi 2014/2015, Abdul Muiz (kiri).

terpaksa mencari kelapangan untuk merancang dengan jelas semua perkara baik untuk akademik, organisasi, keluarga dan ibadah. Saya juga merasakan masa lebih terurus sehingga seakan tiada masa untuk dibazirkan, segalanya ada bahagian untuk dihabiskan dengan bijaksana," katanya.

Bertindak sebagai barisan pimpinan tertinggi juga secara tidak langsung menjadi perhatian ramai, baik pentadbir universiti mahupun rakan-rakan dan masyarakat.

"Sememangnya banyak teguran dan kritikan. Tetapi sentuanya kami hadapi dengan bijaksana dan hikmah. Segala permasalahan kami bincang bersama.

"Saya juga sering berkongsi permasalahan dengan ibu dan segala nasihat ibu dan ayahlah yang menjadi bekal perjuangan. Saya percaya keberkatan itu asas dalam perjuangan. Sentiasa kembali kepada ALLAH dan Rasul dalam selesaikan permasalahan," jelas Imran.

Imran berusaha membudayakan syariat Islam dalam komuniti Usim